



جَبَاتِن كَهَاكِيمِن سَیْرِيَاہِ قَهَاڠ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG

Jalan Masjid
25000 KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09-517 7966
Faks : 09-513 4805
Web : <http://pahang.jksm.gov.my>
E-mail : jksps@esyariah.gov.my

Ruj. Tuan : JKSP 600-1/3/1 (22)
Takwim : 13 Muharram 1442H
Tarikh : 01hb September 2020

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL. 14 TAHUN 2020

Tatacara Pertukaran Jenis Kes Di Pertengahan Perbicaraan

Saya ingin menarik perhatian semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang Bil 1/2020 pada 24hb hingga 26hb Ogos 2020 bersamaan 5 hingga 7 Muharram 1442H di Bilik Mesyuarat Pejabat Agama Islam Daerah Rompin telah bersetuju untuk mengesahkan dan menerima pakai Arahan Amalan No. 2 Tahun 2017 dibaca bersama Arahan Amalan No. 11 Tahun 2018 dengan pindaan proses kerja (rujuk lampiran) seperti berikut:

1. Dapatkan kelulusan Hakim Bicara untuk pertukaran kes semasa sebutan.
2. Hakim Bicara menangguhkan kes sementara bagi memberi ruang pihak-pihak memfailkan kes baru.
3. Pihak-pihak melengkapkan borang dan memfailkan kes dengan bayaran RM4.00 dan hendaklah menjana resit.
4. Buka fail fizikal yang baru dengan nombor kes yang baru bagi tujuan rekod, penyimpanan dan carian fail.
5. Sebut semula kes pada tarikh yang sama setelah selesai urusan pendaftaran.
6. Status fail kes lama dan baru ditutup dengan status "selesai diluluskan".

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01hb September 2020.


(Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Md Yunos, SSAP., DIMP., SMP., PKC.)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Pahang

KUANTAN
2020

"SYARIAH ASAS KEADILAN"



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO. AR5404

CARTA ALIR	PROSES KERJA
 <pre>graph TD; A([Mula]) --> B[]; B --> C[]; C --> D[]; D --> E[]; E --> F([Tamat]);</pre>	<p>Dapatkan kelulusan Hakim Bicara semasa sebutan untuk menukar jenis kes.</p> <p>Hakim Bicara tangguhkan kes sementara bagi memberi ruang untuk pihak-pihak memfailkan kes</p> <p>Pihak-pihak melengkapkan borang dan memfailkan kes. Bayaran RM4 dikenakan (resit)</p> <p>Buka fail fizikal dengan nombor kes yang baru dengan bayaran kes yang baru dan sebut semula kes pada tarikh yang sama.</p> <p>Status fail kes lama dan baru ditutup "selesai diluluskan"</p> <p>Simpan fail</p>